



## **TEKS UCAPAN**

**OLEH :**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA :**

**HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2019  
PERINGKAT KEBANGSAAN**

**PADA :**

**10 NOVEMBER 2019 (AHAD)  
BERSAMAAN 13 RABIULAWAL 1441H**

**BERTEMPAT DI :**

**DATARAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM,  
SHAH ALAM, SELANGOR**

**YAB Tuan Amirudin bin Shari,**  
Dato' Menteri Besar Selangor

**YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya,**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

**YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar,**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan

**YB Puan Haniza binti Talha,**  
EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar

**YBhg. Dato' TPr. Mohd Anuar bin Maidin,**  
Ketua Pengarah, PLANMalaysia  
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

**YBhg. Dato' Haji Haris bin Kasim,**  
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Shah Alam

**YBrs. Gs. Dr. Shamsaini binti Shamsuddin,**  
Pengarah PLANMalaysia@Selangor

Yang Berusaha EXCO-EXCO Kerajaan Negeri Selangor,  
Timbalan Datuk Bandar MBSA,  
En. Mohd Rashidi Bin Ruslan

Ahli-Ahli Majlis MBSA yang diketuai oleh  
En. Kamarulzaman Sanusi,

Ketua-ketua Jabatan peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah; Wakil-wakil Jabatan; Pimpinan-pimpinan Masyarakat Setempat; Ketua-ketua Pertubuhan dan Persatuan; Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdullilah, syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya pada pagi ini dapat kita bersama-sama berhimpun untuk menyambut Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2019. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Pengarah PLANMalaysia kerana telah menjemput saya untuk sama-sama meraikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia.

## **PERANAN PLANMALAYSIA DI BAWAH KWP**

***Yang Amat Berhormat Dato'-Dato',  
Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan  
serta para hadirin sekalian.***

2. Penglibatan saya ke Sambutan HPBS merupakan tahun kedua, sejak perletakan PLANMalaysia berada di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Tahun lalu di Alor Setar Kedah, PLANMalaysia semasa itu, baru sahaja menjadi Jabatan di bawah naungan KWP, dan pada kali ini, PLANMalaysia telah menjadi Jabatan Strategik dalam Kementerian Wilayah Persekutuan yang memperluas peranan Kementerian ke seluruh Semenanjung Malaysia.

3. Ini memberikan peluang kepada saya terutamanya sebagai Menteri, untuk merasai dan mendalami sendiri perancangan dan pembangunan di setiap negeri yang berbeza.
4. Walaupun masih baru dalam memahami bidang ini, saya berpendapat Perancang Bandar yang bertugas di agensi peringkat persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dan pihak swasta memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan corak pembangunan di negara kita yang tercinta ini. Setiap perancangan

yang dilaksanakan adalah komprehensif dan mengambilkira semua aspek keperluan fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Untuk itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan “**Selamat Hari Perancang Bandar**” kepada semua perancang bandar di negara ini.

## KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAK

*Yang Amat Berhormat Dato'-Dato',  
Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan  
serta para hadirin sekalian.*

5. Pemilihan tema “*Green and Community: Together Is Better*” ini dipilih selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) dan Agenda Perbandaran Baharu atau *New Urban Agenda* (NUA) yang telah diterima pakai oleh Malaysia bersama-sama dengan 170 negara lain.
  
6. Agenda Perbandaran Baharu atau NUA, merangkumi 5 teras utama yang akan mencorakkan hala tuju pembangunan dan kesejahteraan bandar dalam tempoh 20 tahun akan datang. 5 teras strategik NUA adalah

kemakmuran bandar, sosial inklusif, kelestarian persekitaran, urus tadbir dan pembangunan spatial. 5 teras ini akan menjadi visi ke arah mencapai pembangunan perbandaran mampan.

7. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui PLANMalaysia telah memberikan komitmen penuh di dalam menterjemahkan SDGs dan NUA untuk mencapai pembangunan spatial negara yang mampan. 6 teras utama bagi mencapai matlamat ini adalah:

a. **Perundangan Perancangan dan Pembangunan Kapasiti** yang meliputi pelaksanaan Akta

Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) dan Lembaga Rayuan.

- b. Penyelidikan dan Garis Panduan Perancangan** yang meliputi penyediaan 37 Garis Panduan Perancangan, manual Penyediaan Laporan Impak Sosial (SIA) dan Rangka Kerja Bandar Pintar (Smart Cities).
- c. Perancangan Wilayah** yang melibatkan penyediaan Rancangan Wilayah, Pelan Induk Rangkaian Ekologi – Central Forest Spine (CFS)

dan penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah.

**d. Rancangan Pemajuan Nasional** yang meliputi Rancangan Fizikal Negara Ke-3, Dasar Perbandaran Negara Kedua dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030.

**e. Rancangan Pemajuan** yang meliputi Rancangan Struktur (RS) bagi setiap Negeri di Semenanjung Malaysia, Rancangan Tempatan (RT) bagi setiap daerah di dalam Negeri di Semenanjung Malaysia dan Rancangan Kawasan Khas (RKK).

**f. Sistem Maklumat Perancangan dan Sistem Sokongan Keputusan Ke Arah Big Data** iaitu Sistem Maklumat Perancangan Gunatanah Bersepadu (I-Plan), Sistem Pemantauan Bandar Selamat ([iSelamat.my](http://iSelamat.my)), Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets), *Malaysia Urban Observatory* (MUO) dan *Characteristics of Rural Malaysia System* (CHARMs).

8. Adalah menjadi harapan saya agar teras utama ini dilaksanakan dengan baik dan menjadi penggerak untuk

memacu pertumbuhan negara ke arah mencapai status negara maju yang inklusif dan mampan.

## **PENGLIBATAN KOMUNITI**

*Yang Amat Berhormat Dato'-Dato',  
Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
para hadirin sekalian.*

9. Sebagaimana yang kita telah maklum, aktiviti pembangunan merupakan penyumbang terbesar kepada kemerosotan kualiti alam sekitar dan pelepasan gas rumah hijau. Dari sini lah peranan Perancang Bandar itu dilihat, pembangunan akan dikawal

melalui kawalan perancangan yang dirancang. Inisiatif-inisiatif menghijaukan bandar juga dipergiatkan lagi sebagai usaha untuk menyokong agenda pembangunan mampan bagi menangani masalah alam sekitar serta mewujudkan persekitaran bandar-bandar yang lebih berkualiti.

10. Saya dimaklumkan, pelbagai inisiatif hijau telah dilaksanakan oleh pihak PLANMalaysia sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri. Antaranya adalah seperti; - Penghasilan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau,

memperkenalkan kebun komuniti, *pocket park*, program *healthy walkable city*, pelaksanaan program penanaman pokok di peringkat negeri dengan kerjasama Jabatan Landskap, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) di setiap negeri yang terlibat, sesi peningkatan kesedaran awam, gotong royong dan sebagainya.

11. Berasaskan kepada prinsip kesedaran akar umbi atau *bottom-up* (dari bawah ke atas) perlu dilaksanakan bagi merealisasi perancangan ke arah bandar masa depan yang sejahtera

dan mampan. Integrasi dan koordinasi yang baik di kalangan PBPT, jabatan persekutuan dan negeri, penglibatan sektor swasta serta sokongan daripada semua lapisan masyarakat (komuniti) merupakan kunci utama kejayaan sesuatu program yang dilaksanakan.

12. Sebagai contoh, untuk program sambutan HPBS pada hari ini, pelbagai pihak saya lihat telah dijemput untuk bersama-sama menghayati usaha yang perlu dilakukan bagi menangani isu alam sekitar dan tanggungjawab kita kepada generasi masa depan. Daripada atas pentas ini, saya dapat melihat, bersama-sama kita pada pagi

ini terdiri daripada Menteri Besar, Datuk Bandar, jururancang, pengurus-pengurus bandar (*urban managers*), arkitek, jurutera, pemaju, para pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), pihak-pihak berkepentingan dan orang awam. Bagi mewujudkan kejiranan hijau yang benar-benar berfungsi, koordinasi di semua peringkat perlu dilaksanakan. Sesungguhnya, program pembangunan hijau ini hanya mampu dijayakan dengan adanya kerjasama serius daripada semua pihak.

13. Saya percaya, kita semua pasti tidak keberatan untuk menyumbang sedikit tenaga dan usaha untuk memelihara

keharmonian alam sekitar dengan pelaksanaan gaya hidup hijau (*green lifestyle*) seperti mengurangkan sisa buang domestik dengan mengamalkan kitar semula, mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian bagi mengurangkan perlepasan karbon, mewujudkan kebun bandar atau komuniti dan sebagainya.

14. Semoga dengan usaha kita semua, iaanya dapat mewujudkan persekitaran hidup yang lebih kondusif serta seimbang dan faedahnya dapat dinikmati oleh kita semua pada masa kini dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

*Yang Amat Berhormat Dato'-Dato',  
Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
para hadirin sekalian.*

## **WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 (WKB2030)**

15. Pada 5 Oktober yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah melancarkan **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)** untuk menjadikan **Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.**

16. Turut disentuh dalam WKB 2030 adalah Aktiviti Ekonomi Hijau, yang merangkumi aktiviti seperti pengangkutan lestari, jaminan bekalan makanan, bandar pintar dan lestari, dan teknologi adaptasi iklim. Ekonomi hijau juga merujuk kepada pembentukan sebuah ekonomi kitaran yang mampu beroperasi tanpa sisa buangan iaitu **zero waste**.

17. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai penjawat awam dan anggota masyarakat untuk menggembangkan tenaga bagi menjayakan WKB 2030 kepada Kerajaan Negeri dan Pihak

Berkuasa Perancang Tempatan, dokumen ini boleh menjadi wadah baharu dalam merealisasikan komuniti rendah karbon yang dicita dan diusahakan selama ini di kawasan pentadbiran masing-masing dengan lebih efisyen.

## **SAMBUTAN HPBS 2019**

18. Saya dimaklumkan, PLANMalaysia juga telah mengatur perancangan sambutan HPBS di setiap negeri bermula di Negeri Perlis pada 24 September 2019 dan akan berakhir di

Negeri Kelantan pada 14 November 2019.

19. Selaras dengan tema sambutan pada tahun ini, PLANMalaysia telah mensasarkan sebanyak **3,000 batang pokok** dengan penglibatan **10,000 orang** di semua negeri. Sehingga ke hari ini, jumlah penanaman pokok yang telah ditanam adalah sebanyak **4,340 batang pokok**. Dengan jumlah pokok sebanyak ini, apabila membesar berupaya mengurangkan sebanyak **117,180 kilogram karbon setahun**, serba sedikit dapat menangani isu perubahan iklim dan pemanasan global yang semakin mengancam bumi.

Syabas dan tahniah kepada semua negeri yang terlibat bagi merealisasikan jumlah penanaman pokok yang disasarkan sempena HPBS 2019 dan juga melebihi daripada apa yang dirancang pada awalnya.

20. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang-pemenang bagi dua (2) anugerah yang akan diumumkan pemenangnya sebentar nanti, iaitu bagi **Anugerah Kejiranan Hijau Tahun 2019** dan **Penghargaan Bandar Mampan 2018**. Syabas juga kepada pihak yang melaksana inisiatif hijau dan kemampanan bandar yang terdiri daripada pihak berkuasa

tempatan, sekolah dan komuniti tempatan atas usaha dan inisiatif mereka menyumbang kepada kemampanan bandar di Malaysia.

21. Dengan adanya inisiatif sebegini diharapkan akan menjadi contoh dan pendorong kepada pihak dan agensi lain dalam usaha mewujudkan dan mengekalkan ciri-ciri yang menyumbang kepada kehijauan dan kemampanan Bandar.

*Yang Amat Berhormat Dato'-Dato',  
Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
para hadirin sekalian.*

**LOGO            BAHARU            LEMBAGA  
PERANCANG BANDAR MALAYSIA &  
ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH  
ALAM**

22. Saya difahamkan hari ini juga ada pelancaran logo baharu Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) sejak ia ditubuhkan pada 1 Januari 1996. Pertubuhan ini merupakan badan pengurusan tertinggi juru rancang seperti yang termaktub dalam Akta Perancang Bandar 1995 atau A538 dalam mengawal selia amalan sebagai Perancang Bandar berdaftar.

23. Saya berharap dengan pelancaran logo baharu ini Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) terus menjadi sebagai satu organisasi yang terus kuat dan kukuh peranannya.

24. Saya juga difahamkan pihak Majlis Bandaraya Shah Alam juga baru sahaja selesai menyambut ulang tahun bandaraya Shah Alam yang ke - 19 pada bulan Oktober yang lepas. Saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak MBSA atas sambutan ini.

25. Harapan saya dalam usia yang telah menginjak 19 tahun ini pihak MBSA

akan lebih maju dan terkehadapan serta menjadi contoh terbaik PBPT yang lain di Malaysia. Saya amat kagum terhadap pihak MBSA kerana telah banyak melakukan inisiatif dan program seperti program Shah Alam hari tanpa kenderaan, kebun komuniti, program penanaman pokok *trees for life*, program yang berelemen rendah karbon dan banyak lagi program-program yang baik sejajar dengan matlamat untuk menjadikan Shah alam sebagai Bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2030. TAHNIAH MBSA

## **PENUTUP**

***Yang Amat Berhormat Dato'-Dato',  
Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan  
serta para hadirin sekalian.***

26. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan pihak Majlis Bandaraya Shah Alam yang telah menjadi tuan rumah bagi acara sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia pada hari ini. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia,PLANMalaysia@ Selangor dan Jabatan serta Agensi

yang terlibat dalam menjayakan majlis dan program pada hari ini. Diharapkan kerjasama yang erat ini akan kekal terjalin di antara pihak Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan ke arah kesejahteraan rakyat.

Dengan itu saya akhiri dengan *wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.